



## ADVISORY NOTE NO. 2/2020

### PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR TEMPATAN AKIBAT PENANGGUHAN/ PEMBATALAN PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH LUAR NEGARA DAN UJIAN KOMPETENSI BAHASA INGGERIS TEMPATAN/ ANTARABANGSA DISEBABKAN PENULARAN COVID-19

#### PENDAHULUAN

1. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysia Qualifications Agency, MQA) memantau perkembangan penangguhan atau pembatalan peperiksaan sekolah menengah luar negara dan ujian kompetensi Bahasa Inggeris tempatan/ antarabangsa.
2. Peperiksaan sekolah menengah ini turut melibatkan peperiksaan utama yang diduduki oleh pelajar di Malaysia seperti *GCE Advanced Level (A-Level)* dan *International Baccalaureate Diploma Programme (IBDP)*.
3. Pengendali ujian kompetensi Bahasa Inggeris antarabangsa seperti *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)* dan *International English Language Testing System (IELTS)* juga telah mengumumkan penangguhan pengendalian ujian sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Di Malaysia, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah menangguhkan pengendalian *Malaysian University English Test (MUET)* yang dijadualkan pada bulan April 2020. Seperti mana sedia maklum, pencapaian kompetensi Bahasa Inggeris merupakan salah satu kriteria yang ditetapkan oleh MQA bagi tujuan kemasukan ke bidang dan/ atau peringkat pengajian tertentu.
4. Mengambil kira proses kemasukan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan yang giat dijalankan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mulai pertengahan tahun 2020, penangguhan atau pembatalan peperiksaan sekolah menengah di luar negara dan ujian kompetensi Bahasa Inggeris tempatan/ antarabangsa akan memberi kesan kepada proses tersebut.

#### PANDUAN UMUM

5. Panduan ini adalah bersifat *advisory* kepada PPT dalam melaksanakan langkah interim terhadap proses pengambilan pelajar yang terkesan akibat penangguhan atau pembatalan peperiksaan sekolah menengah luar negara dan ujian kompetensi Bahasa Inggeris tempatan/ antarabangsa. Panduan ini juga **perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa** dari semasa ke semasa termasuk Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (JPT, KPT), dan pihak lain yang berkaitan seperti badan profesional dan lain-lain.

6. Langkah interim yang diambil oleh PPT sepanjang tempoh pandemik ini diletakkan di bawah tanggungjawab dan autonomi Senat/ Lembaga Akademik PPT untuk membuat keputusan pelaksanaan dalam tempoh masa yang wajar (semasa dan pasca pandemik) berdasarkan peruntukan perlembagaan masing-masing serta kesesuaian sumber dan prasarana sedia ada. PPT perlu mengambil kira kepentingan dan menjaga kebajikan pelajar semasa dan pelajar prospek dalam membuat sebarang pelaksanaan langkah interim tersebut.
7. Panduan ini perlu dibaca bersama dengan panduan umum di Perkara 3 hingga Perkara 6 dalam “Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19” yang dikeluarkan MQA pada 29 Mac 2020. Panduan tersebut boleh diakses melalui [https://www.mqa.gov.my/pv4/pubs\\_adv\\_notes.cfm](https://www.mqa.gov.my/pv4/pubs_adv_notes.cfm).

## **PENANGGUHAN/ PEMBATALAN PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH LUAR NEGARA**

8. MQA telah merujuk kepada beberapa kenyataan pihak berkuasa negara berkaitan (Contoh: Kementerian Pendidikan Republik Indonesia) dan badan persijilan yang mengendalikan peperiksaan sekolah menengah (Contoh: Cambridge Examination International dan Pearson Education) berhubung pengumuman pembatalan tersebut. Pada umumnya, selain pengumuman pembatalan, ia turut menyatakan bahawa penetapan gred dan persijilan akan dilaksanakan berdasarkan rekod-rekod pembelajaran pelajar sedia ada.
9. Justeru, pada prinsipnya, gred dan sijil yang dikeluarkan secara rasmi oleh pihak berkuasa negara berkaitan atau badan persijilan terbabit boleh diterima oleh PPT tempatan bagi tujuan kemasukan pelajar. Sekiranya terdapat perbezaan dengan gred pencapaian pelajar yang lazim di Malaysia, sebarang kesetaraan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan atau badan persijilan terbabit boleh diterima pakai.
10. Dalam pada itu, sekiranya pihak berkuasa berkaitan atau pengendali peperiksaan terbabit lewat mengeluarkan keputusan peperiksaan, PPT tempatan boleh membuat **tawaran bersyarat (conditional offer)** kepada pelajar berdasarkan kepada rekod pencapaian pelajar yang dapat dirujuk. Ketetapan ini hanya terpakai bagi kategori pelajar-pelajar berikut sahaja:
  - i. Pelajar tempatan yang belajar di dalam negara; atau
  - ii. Pelajar tempatan yang belajar di luar negara dan ingin menyambung pengajian di Malaysia.
11. Pelajar-pelajar dengan **tawaran bersyarat** hanya boleh mengambil Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dan/ atau mata pelajaran wajib universiti/ elektif bebas selagi belum menerima keputusan rasmi peperiksaan terbabit. Pelajar yang didapati tidak memenuhi syarat yang ditetapkan berdasarkan kepada keputusan rasmi peperiksaan perlu dipindahkan ke program lain yang

bersesuaian dengan pencapaian pelajar tersebut. Perkara ini perlu dimaklumkan secara jelas kepada pelajar dalam surat tawaran bersyarat tersebut.

## **PENANGGUHAN/ PEMBATALAN MUET DAN UJIAN KOMPETENSI BAHASA INGGERIS ANTARABANGSA**

12. Selaras dengan penangguhan/ pembatalan MUET dan ujian kompetensi Bahasa Inggeris antarabangsa dan setelah merujuk kepada pihak JPT, MQA telah bersetuju untuk **menangguhkan pemakaian pencapaian kompetensi Bahasa Inggeris minimum** dalam syarat kelayakan masuk bidang dan/ atau peringkat pengajian yang berkaitan. Namun begitu, PPT adalah dinasihatkan untuk melaksanakan langkah-langkah interim bagi memastikan pelajar mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris pada tahap yang diperlukan untuk maju dalam pengajian.
13. Justeru, PPT dinasihatkan untuk membuat **tawaran bersyarat** kepada kumpulan pelajar yang terlibat dengan melaksanakan saringan lanjut. Keutamaan diberikan kepada calon yang memenuhi salah satu kriteria berikut:
  - i. Pencapaian kepujian atau cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara. Pencapaian Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan yang lebih tinggi seperti Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ setara boleh diambil kira; atau
  - ii. Bukti pencapaian Bahasa Inggeris ujian *on-line* and *on-demand* daripada pengendali yang *credible* seperti *Duolingo English Test*.

Kedua-dua kriteria di atas adalah langkah interim untuk bukti kompetensi Bahasa Inggeris yang boleh dirujuk semasa penangguhan atau pembatalan ujian kompetensi Bahasa Inggeris disebabkan oleh krisis pandemik Covid-19 dan bukannya menyetarakan dan menggantikan kelayakan MUET/ setara yang ditetapkan.

14. PPT perlu membuat Ujian Penempatan Bahasa Inggeris yang bersesuaian setelah pelajar mendaftar di kampus.
15. PPT akan mengendalikan pelajar yang diberikan **tawaran bersyarat** seperti berikut:
  - i. Pelajar diberi pilihan untuk menduduki MUET atau ujian lain yang setara dalam tempoh enam (6) bulan dan mencapai kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan.
  - ii. Sepanjang tempoh enam (6) bulan tersebut, pelajar hanya boleh mengambil kursus MPU dan/ atau mata pelajaran wajib universiti/ elektif bebas.

- iii. Pelajar yang gagal mencapai kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan perlu dipindahkan ke program lain yang bersesuaian.
  - iv. Perkara ini perlu dimaklumkan secara jelas kepada pelajar dalam surat tawaran bersyarat tersebut.
16. PPT boleh melaksanakan pengecualian pencapaian kompetensi Bahasa Inggeris kepada pelajar tempatan berdasarkan Pemakluman Mengenai Keputusan Dasar-Dasar Baharu Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang dikeluarkan JPT bertarikh 27 Januari 2017 seperti berikut:
- i. Menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya; atau
  - ii. Telah mengikuti pengajian di Malaysia dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan tertakluk kepada perkara (i); atau
  - iii. Mempunyai kelayakan akademik di peringkat *O-Level* atau *A-Level*.

#### **PEMAKAIAN PANDUAN TERHADAP PRAKTIS KEMASUKAN PELAJAR**

17. Panduan ini adalah terpakai bagi kemasukan pelajar yang terkesan dengan penangguhan dan pembatalan sepanjang tahun 2020 yang melibatkan:
- i. Peperiksaan persekolahan pada tahun 2020 sahaja; dan/ atau
  - ii. Ujian kompetensi Bahasa Inggeris pada tahun 2020 sahaja.

Peraturan dan ketetapan semasa untuk pelajar antarabangsa adalah terpakai sehingga panduan khusus mengenainya dikeluarkan kelak.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di <https://www2.mqa.gov.my/sppav2/>.

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**  
**13 APRIL 2020**